

Kira-kira satu juta orang-orang haji

berhimpun di Tanah Suci tahun yang lalu

Jumlah orang-orang haji dari luar negeri yang telah mencurah-curah ke Tanah Suci pada musim Haji 1381 yang lalu ialah sebanyak 216,455 iaitu (69,032 dengan jalan darat, 54,480 dengan jalan udara, dan 92,943 dengan jalan laut).

Manakala jumlah orang-orang haji yang datang dari seluruh negara Saudi Arabia ialah sebanyak 780,000. Oleh itu jumlah orang-orang haji yang telah berhimpun di Padang vArafah pada tahun yang lalu ialah sebanyak 996,455 orang.

Lebih lanjut di bawah ini disiarkan dengan sepenuhnya jumlah bilangan dan bangsa orang-orang haji yang berbahagia itu sebagaimana yang disiarkan dengan rasminya oleh kerajaan Saudi Arabia:

Tanah Melayu	5,550	Aden	178
Indonesia	7,940	China Kebangsaan	42
Yaman	46,124	Nigeria	3,416
Iran (Parsi)	14,375	Chinguetti (Mauritania)	191
Turki	11,815	Somal	1,086
Iraq	11,379	Habsyah	754
Syria	4,850	Mesir	10,774
Lubnan	2,123	Sudan	7,234
Palestin	5,293	Swahili (Afrika Timur)	172
Cape Town (Afrika Selatan)	151	Senegal (Afrika Barat)	1,952
Bukhara	84	Burma	26
Afghanistan	2,479	Pakistan	18,966
Jordan	4,984	India	20,036
Tunis	937	Ceylon	106
Aljazair	549	Siam	2,007
Maghribi	2,730	Filipina	143
Hadhramaut	2,987	Indo-China	2,987

